

**IKLAN PERSONEL MySTEP
HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI
HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM (HPKK)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK) ingin mempelawa semua Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan : Personel MySTEP
Kelayakan/Pendidikan : SPM
Kadar Upah : RM1,700.00 sebulan (termasuk caruman Perkeso & KWSP)
Tempoh Lantikan : 1 bulan (minimum) dan tidak melebihi 31 Disember 2024

SYARAT LANTIKAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Kepujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- Telah mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dan mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19
- Calon yang diperakui sihat oleh Ketua Jabatan (tidak memerlukan pengesahan oleh pengamal perubatan berdaftar)

KRITERIA PEMILIHAN

- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik
- Mempunyai latar belakang pentadbiran/pengurusan
- Mahir menggunakan komputer dan perisian *Microsoft Office*
- Rajin, sistematik & berdedikasi

SKOP TUGAS

- Membantu menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas di bahagian yang berkenaan
- Kerja-kerja berkaitan yang diarahkan dari semasa ke semasa

CARA MEMOHON

- ✓ E-melkan Resume, Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil Vaksinasi dan Salinan Sijil SPM berserta sijil-sijil berkaitan ke alamat: upkphpkk@ppukm.ukm.edu.my
- ✓ Sebarang pertanyaan sila hubungi : Puan Nur Atiqah Mohd Naim (ext: 8665)

Tarikh Tawaran : 30 Julai 2024

Tarikh Tutup : 04 Ogos 2024

(Hanya calon yang layak sahaja akan dihubungi untuk temuduga. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman selepas 4 bulan daripada tarikh tutup permohonan)